



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA MPSP

## SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN *UPCYCLE PARK* MPSP  
OLEH  
YANG AMAT BERHORMAT  
KETUA MENTERI PULAU PINANG

10 MAC 2018 (SABTU)  
9.00PAGI

*UPCYCLE PARK* MPSP  
BERSEBELAHAN MENARA MPSP  
JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA  
BUKIT MERTA JAM

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi)

**Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy A/L Palanisamy**

Timbalan Ketua Menteri 2

**Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang & Alam Sekitar

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan

**Yang Berhormat Dr. Afif bin Bahardin**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod**

Puan Setiausaha Perbandaran

**Ketua-Ketua Jabatan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan MPSP**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

**ASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABAROKATUH  
SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT PAGI**

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Perasmian *Upcycle Park* MPSP bersebelahan Menara MPSP oleh YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, barisan EXCO, ADUN, Ahli Majlis dan semua yang hadir kerana sudi meluangkan masa bersama MPSP walaupun pada hari cuti ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon, Timbalan Ketua Menteri 1; Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang turut sudi hadir walaupun hari ini merupakan cuti hujung minggu dan kemungkinan padat dengan program lain.

Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kerja-kerja menaiktaraf *Upcycle Park* MPSP ini.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan  
sekalian,**

MPSP mensasarkan untuk menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang Tahun 2022 dan pelbagai usaha telah diketengahkan untuk mencapai Seberang Perai yang “*Resilient, Inklusif, Hijau dan Berdaya Saing*”. Ini adalah satu perancangan atau komitmen MPSP kepada semua pelanggan, *stakeholders*, Kerajaan Negeri dan warga Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP, dan seterusnya menjadikan MPSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang terbuka, interaktif, cekap dan mendapat sokongan *civil society*. Berdasarkan pencapaian tersebut, MPSP telah menetapkan sasaran untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% dan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dikurangkan sehingga 50% pada tahun 2022 dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022.

MPSP telah mempunyai enam (6) perancangan utama bagi mencapai sasaran ini. Perancangan ini adalah:-

- i. Memperkenalkan MPSP *Smart Consumption Model 8R* dan mengadakan program pendidikan dan kesedaran berhubung

pengurangan dan pengasingan sisa di punca yang melibatkan semua pihak di Seberang Perai.

- ii. Meningkatkan jumlah penyertaan kilang, sekolah dan komuniti dalam program kitar semula. Sehingga kini sebanyak 76 kilang, 152 sekolah dan 25 komuniti telah menyertai pelbagai program kitar semula di bawah MPSP. MPSP mensasarkan peningkatan penyertaan sebanyak 85 kilang dan 30 komuniti lagi dalam program kitar semula, manakala 50 sekolah disasarkan untuk dipilih sebagai Duta Hijau.
- iii. Menggalakkan aktiviti kitar semula di kalangan Agensi-agensi Kerajaan di Seberang Perai dengan matlamat menjadikan agensi kerajaan sebagai badan yang memahami dan mengamalkan aktiviti kitar semula dan pada masa yang sama mengimplementasikan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di pejabat. Pada 7 Februari 2018, bekas kitar yang ditaja oleh Syarikat Amphenol TCS telah berikan kepada 50 buah agensi kerajaan di Seberang Perai.
- iv. Mewujudkan pusat-pusat kompos di mana sebanyak tiga pusat kompos telah diwujudkan setakat ini di Pasar Awam

Bagan Ayam, Taman Pandan dan Auto City, Juru. MPSP mensasarkan satu pusat kompos diwujudkan setiap tahun.

- v. Mewujudkan Bank Data Pemungut Kitar Semula pada April 2018.
- vi. Meningkatkan pengeluaran barangan *upcycle* yang dihasilkan daripada sisa / bahan buangan sebagai bahan baru atau produk baru yang kualitinya hampir sama atau lebih baik melalui reka bentuk yang kreatif.

Justeru, semasa lawatan kerja saya ke depo-depo MPSP, saya dapat lihat kreativiti pekerja-pekerja am MPSP. Barangan-barangan terbuang yang dikutip antaranya seperti tayar terpakai, tong-tong sampah yang rosak, botol-botol plastik minyak masak, pasu-pasu bunga yang rosak, tayar motosikal, basikal lama dan lain-lain lagi telah direka menjadi satu produk yang kreatif dan menarik.

Setelah itu tercetusnya idea untuk menempatkan barangan *upcycle* di satu kawasan dan menjadikan kawasan tersebut tempat riadah yang dinamakan *Upcycle Park*. Kolam tadahan Bandar Perda yang mempunyai keluasan tasik 4,456 meter persegi, manakala kawasan hijaunya adalah 5,228.5 meter persegi, membawa kepada

keseluruhan keluasan *Upcycle Park* kepada 9,684.5 meter persegi dipilih kerana ianya dikelilingi dengan rumah pangsa kos rendah yang mempunyai penduduk seramai 20,500 orang serta kawasan perniagaan, pejabat-pejabat dan hospital. Komponen-komponen yang disediakan di taman ini ialah laluan pejalan kaki sepanjang 400 meter, plaza dan bangku taman.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Projek ini amat menyentuh di hati saya kerana ianya dibina daripada cetusan idea, tenaga dan keringat pekerja-pekerja am yang digelar "*Orange Warriors*" untuk dijadikan hadiah kepada rakyat sebagai tempat mengeratkan hubungan keluarga dan hadiah kepada Kerajaan Negeri untuk menjadi negeri hijau pertama di Malaysia.

Projek ini dibuat pada kos yang paling minimum iaitu hanya kos mengecat di atas laluan trek *jogging*. Kelihatan perabot-perabot taman yang diperbuat daripada bahan kitar semula antaranya arca dan bangku taman daripada batang pokok kayu yang ditebang, kayu *palette* dan tayar terpakai, manakala plaza berlantai "*Interlocking Brick*" diperbuat daripada sisa binaan yang diproses semula. Ianya disumbangkan oleh pengusaha sebagai CSR.



**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan  
sekalian,**

Sempena Hari Wanita Sedunia pada 8 Mac 2018, MPSP telah memperkenalkan strategi baru iaitu "*Care for the Elderly*". Dengan adanya taman ini, anak-anak boleh membawa ibubapa atau nenek moyang mereka untuk berjalan-jalan bagi merapatkan hubungan keluarga dan menikmati keindahan alam. MPSP akan mengadakan pelbagai program seperti "*Eco-Therapy*", "*Forest Bathing*" untuk mencapai strategi "*Care for the Elderly*"

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan  
sekalian,**

Perancangan masa hadapan bagi mewujudkan kawasan rekreasi di taman in adalah:

1. Membangunkan Taman Tasik Tecoma untuk dijadikan lokasi "*photo session*" perkahwinan, laluan berbasikal, tempat memancing dan beriadah.

2. Taman Tasik Tecoma ini merupakan tapak perasmian Program Penanaman 3,000 Pokok *Tabebuia* spp. (Tecoma) sempena Hari Kemerdekaan ke-60 pada 27 Ogos 2017 di seluruh Seberang Perai.
  
3. Mewujudkan “Taman Komuniti” “1 Bayi 1 Pokok” di sepanjang parit monsoon bersebelahan Pangsapuri Permata sehingga Jalan Permatang Pauh. Kita dapat lihat pokok-pokok Tecoma telah pun ditanam di kawasan tersebut. MPSP sedang membina laluan berbasikal bagi mewujudkan “*connectivity*” serta menggalakkan penduduk daripada Taman Pauh Jaya, Taman Pauh Damai dan sekitarnya untuk berbasikal ke tempat kerja, kawasan perniagaan dan restoran makanan.

Saya berharap dengan wujudnya kemudahan awam dan taman taman riadah seperti *Upcycle Park*, Taman Komuniti dan Taman Tecoma ini dapat memberi impak terhadap peningkatan kualiti persekitaran kawasan ini menjadi *catalyst* kepada *Local Economic Development* (LED) dan memenuhi ekspektasi penduduk setempat demi mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Harapan saya agar penduduk setempat dapat sama-sama menjaga *Upcycle Park MPSP* dan semua kemudahan yang disediakan di sini. Hargai kemudahan yang disediakan semoga ianya dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk. Jadikanlah kemudahan-kemudahan ini sebagai ruang rekreasi awam untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup dan juga sebagai platform integrasi sosial dalam masyarakat.

Kerjasama dan komitmen semua pihak adalah amat diperlukan dalam merealisasikan hasrat MPSP. Sehubungan itu, saya ingin menjemput dan menyeru kepada badan-badan korporat, yang berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan MPSP dalam pembangunan usaha seperti ini.

Akhir kata, marilah sama-sama kita merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memacu Pulau Pinang ke arah "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier*". Sokongan dan penglibatan rakyat adalah amat diperlukan bagi menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah karbon pada tahun 2022. Sekali lagi, terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng dan pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, warga kerja MPSP serta seluruh penduduk Seberang Perai yang hadir memberikan sokongan penuh ke atas usaha-usaha ini.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Sekian, terima kasih.**